

# Lima usul BN bela kepentingan rakyat

BH-29/6/2007

## Kerajaan Pas Kelantan seperti cuba 'menutup sesuatu', takut bahas perkara ditimbulkan

Oleh Hambali Abdul Latiff

**D**ATUK Husam Musa bijak menghidu arus perubahan yang melanda Barisan Nasional (BN), khususnya Umno Kelantan. Beliau juga bijak menilafi bahawa Pas semakin diasak dan terdesak.

Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Perancangan Ekonomi dan Pembangunan Masyarakat Negeri itu mengatakan BN Kelantan cuba mencetus gelombang politik hanya berasaskan penolakan lima usul yang dikemukakan oleh lima ahli BN pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan selama dua hari, pada Isnin dan Selasa lalu.

Husam menyifatkan tindakan 22 anggota DUN BN dari Umno menggunakan taktik 'keluar dewan' sebagai mensensasikan isu menjelang pilihan raya. Benarkah begitu? Apakah lima isu itu boleh dianggap sensasi?

Mungkin sensasi bagi Husam tetapi penting bagi Umno kerana ia membabitkan kepentingan rakyat yang perlu dibahaskan segera. Jika Husam atau pemimpin Pas melihat kembali kepada usul berkenaan yang ada kena mengena dengan kepentingan rakyat, seharusnya mereka boleh 'menasihati' Speaker DUN, Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah supaya jangan terlalu mahu menjadi benteng atau pelindung kepada kerajaan negeri.

Hakikatnya, wakil BN bukan memulau tetapi menunjukkan tanda protes. Pembangkang pernah melakukan perkara serupa pada sidang Dewan Rakyat di Parlimen. Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) BN Kelantan hanya mahukan supaya kerajaan negeri lebih telus dalam kelima-lima isu berkenaan.

Lima usul dikemukakan BN ialah isu pengurusan Tanah Tinggi Lojing, dikemukakan Adun Bukit Bunga, Mohd Adhan Kechik; isu pengurusan dan masalah dalaman membabitkan Syarikat Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) oleh Datuk Dr Ilias Husain (Jelawat); usul pemansuhan cukai bandar Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) oleh Hanafi Mamat (Pengkalan Pasir).

Dua lagi usul ialah Skim Perlindungan

Sosial Warga Emas (Kifalah) oleh Adun Wakaf Bharu, Mohd Rosdi Abdul Aziz dan usul membahaskan isu pemindahan pengundi oleh Pas yang dibangkitkan oleh Datuk Mohd Zain Ismail (Bukit Tuku).

Usul mengenai pemindahan pengundi itu dibuat oleh Ketua Dewan Ulama Pas, Datuk Muhamad Daud, yang mengakui secara terbuka melakukan perbuatan itu pada muk-tamar Pas baru-baru ini.

Anggota BN mahukan sidang DUN dijadikan medan perbincangan kepentingan awam bagi kelima-lima perkara di atas. Malah, jika kerajaan Pas mempunyai jawapan mengenainya, tidak ada apa yang perlu dirisaukan.

Lebih menyebabkan mereka tidak puas hati ialah tindakan Speaker menolak usul yang dikemukakan secara berno-tis minggu lalu.

Namun, Ketua Pembangkang di DUN, Datuk Seri Annuar Musa (BN-Kok Lanas), berkata kerajaan Pas seperti cuba 'menutup sesuatu' dan takut untuk membahaskan perkara ditimbulkan melalui usul berkenaan.

Inilah punca sebenar menyebabkan anggota BN berkenaan keluar dewan. Annuar berkata Speaker juga jelas asyik 'menggunakan kuasanya' melalui peraturan yang tiada kaitan langsung. Selain usul itu ditolak, Speaker langsung tidak memberi peluang untuk Annuar mengemukakan rayuan supaya lima usul itu diterima untuk dibincangkan.

Tidakkah ini gambaran sebenar yang berlaku setiap kali dewan bersidang? Yang pasti menurut Annuar, wakil rakyat BN tidak diberi peluang untuk mengemukakan isu berkaitan kepentingan rakyat.

Apapun, dengan kenyataan Husam itu, jelas ia bimbang dengan 'gelombang politik' di Kelantan yang ada sekarang.

Kelima-lima usul itu 'terang lagi bersuluh' menggambarkan kelemahan kerajaan Kelantan dan ia adalah suara rakyat Kelantan yang menuntut banyak perubahan - bukan lagi setia membuta tuli terhadap kepemimpinan kerajaan negeri yang berslogankan 'Membangun Bersama Islam.'

Di sebalik semangat rakyat yang menuntut perubahan, BN Kelantan khususnya Umno sudah bergerak untuk mencipta gelombang perubahan yang diasaskan kepada rasa tidak puas hati, kecewa dan inginkan perubahan pentadbiran dan suasana politik berlainan daripada sekarang.

Malah, Umno kini bekerja keras untuk meningkatkan pencapaian daripada apa yang dicapai melalui pilihan raya umum 2004 yang memberikan isyarat bahawa Pas semakin hilang pengaruh.

Umno yang selama ini dianggap 'menikus' di sidang DUN tetapi ternyata pada sidang dua hari itu, mereka menunjukkan kelibat sebenar dan menjadikan wakil rakyat Pas dalam dewan terpegun.

Natijah daripada keluar dewan kerana penolakan lima usul itu menggambarkan betapa Umno kini padu dan 'sekata'. Tanggapan Pas bahawa pemimpin Umno Kelantan 'tidak laku lagi untuk dijual' melalui ceramah mereka, lebih-lebih lagi pada sidang DUN, amat meleset.

Kedudukan sebenar ialah Umno Kelantan tidak gentar untuk berdepan Pas dalam apa juga tajuk perbahasan dan pembangunan yang didatangkan ke Kelantan. Tidak hairanlah jika Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyatakan sokongan 'Kelantan Baru' gagasan Annuar baru-baru ini.

Yang menariknya, Speaker DUN Kelantan menjadi 'mangsa serangan' dalam dua hari persidangan berkenaan. Lebih mengejutkan beliau selepas saja sidang berlangsung kira-kira 15 minit, tumpuan serangan dihalakan terhadapnya.

Selain 'serangan' terhadap perkara berkaitan usul, dalam perbahasan beberapa Rang Undang-Undang, beliau turut menjadi sasaran. Annuar dan rakannya terus mempersoalkan kenapa atau dengan kata lain, sebab Speaker menolak usul berkenaan.

Wan Abdul Rahim menolak usul itu menggunakan Peraturan 125 (1) Peraturan Persidangan Parlimen dengan mengulangi mempunyai hak dan kuasa muktamad untuk menolak sebarang usul yang dikemukakan tanpa boleh dipertikaikan oleh mana-

mana pihak.

Beliau turut mempertahankan tindakannya menolak dua usul iaitu dikemukakan Hanafi Mamat dan Rosdi Ab Aziz berdasarkan Peruntukan 21A Peraturan Dewan Undangan Negeri Kelantan dengan mendakwa hanya boleh dibangkitkan oleh Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Wan Abd Rahim menepis dakwaan beliau bersikap berat sebelah terhadap kerajaan negeri sebaliknya mendakwa bersikap demokrasi.

Ada akhbar tempatan mengatakan tindakan 22 Adun Umno meninggalkan dewan hanya kerana tidak berpuas hati dengan tindakan Speaker berkenaan. Tetapi bagi Annuar, ia bukan soal tidak puas hati saja, malah menganggap keputusan yang dibuat Speaker itu sebagai perbuatan yang cuba melindungi kerajaan negeri daripada diajukan pelbagai persoalan membabitkan lima perkara berkaitan.

Selain serangan terhadap Speaker, Husam sendiri juga dirujuk berkali-kali dalam isu air di Kelantan dan berikutan itu meminta wakil Umno membuat laporan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) jika beliau ada melakukan kesalahan yang boleh disabitkan.

Beberapa wakil rakyat Pas lain turut melancarkan 'Report BPRlah' ketika Ketua Pembangkang mengemukakan beberapa fakta penyalahgunaan kuasa dan wang dalam Air Kelantan Sendirian Berhad dan beberapa agensi lain.

Apa yang dapat diperhatikan, kesungguhan Ketua Pembangkang membuat 'home work' selain memiliki maklumat berkaitan laporan polis, laporan BPR terhadap tokoh tertentu Pas, menjadikan sidang kali ini lebih hangat dan seimbang.

Cuma seperti biasa, Nik Aziz tidak menjawab sebarang pertanyaan pada sidang DUN kali ini. Melihat kepada kesungguhan dan keyakinan pada wakil BN itu, ia mencerminkan bahawa rakyat Kelantan benar-benar dahagakan gelombang yang boleh membawa perubahan. Sudah semestinya sidang terbaru DUN Kelantan ini menceritakan segala-galanya!